

# Laman web UMS-KAL sudah beroperasi

UB 08/10/2011 B7

**PENGARAH** Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL), Prof Dr Shariff Abdul Kadir Omang telah merasmikan laman web UMS-KAL yang

baru pada Khamis lepas. Laman web yang diketuai Pegawai Teknologi Maklumat Kanan, Bahagian Perkhidmatan Komputer dan Instrumentasi (BPKI), Suprianto Mohd Noor

dan kakitangannya itu dilancarkan di Dewan Theatrette pada jam 9 pagi. Turut hadir Timbalan Dekan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL), Suanie Sura

Penolong Pendaftar Kanan Pentadbira, Musnin Matersah dan wakil Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL), Ricky Chia. Shariff berharap warga

universiti terutama pelajar akan menjadikan laman web itu sebagai medium mendapatkan pelbagai maklumat berkaitan SPKAL dan SSIL serta makluman mengenai

pentadbiran UMS dan UMS-KAL amnya. Selain itu, katanya, laman web itu juga boleh memberikan manfaat kepada masyarakat setempat mendapat

maklumat mengenai universiti termasuk program yang membabitkan penduduk di Wilayah Persekutuan Labuan.

“Sememangnya, laman web banyak memberikan kesan yang mendalam kepada semua pihak terutama pelajar, pensyarah dan kakitangan serta ibu bapa dan masyarakat dalam usaha mereka mendapatkan maklumat mengenai UMS-KAL,” katanya.

Sehubungan itu, Shariff muah BPKI yang dibantu pengendali laman web di setiap bahagian dan sekolah memastikan laman web itu sentiasa dikemaskini supaya pelanggan mendapat maklumat yang terkini, tepat dan boleh dipercayai.

Beliau juga berharap pelajar dan kakitangan akan menyalurkan pandangan yang membina mengenai kemudahan dan urusan pentadbiran supaya ianya mendapat perhatian yang serius daripada pengurusan universiti.



**KENANGAN ...** Dr Shariff (tiga dari kanan) menerima cenderamata daripada Musnin diperhatikan pegawai kanan UMS-KAL.



**BERI SOKONGAN ...** Pensyarah SPKAL dan SSIL turut menyajakan majlis pelancaran laman web UMS-KAL.